

05 JAN 2001

CAWANGAN NUTP PERAK ADAKAN SEMINAR AKAN KEMEROSOTAN BAHASA INGGERIS

IPOH, 5 Jan (Bernama) -- Kesatuan Kebangsaan Profesion Perguruan (NUTP) cawangan Perak bercadang menganjurkan satu seminar untuk membincangkan kemerosotan Bahasa Inggeris khasnya di kalangan pelajar-pelajar Malaysia, dan meminta cadangan dan kerjasama daripada profesional dalam bidang itu.

Setiausahanya S. Sundralingam berkata, badan itu berharap mereka yang terbabit dalam mengajar bahasa itu atau dalam bidang-bidang berkaitan tampil untuk berkongsi idea mereka dalam seminar itu.

Ekoran kemerosotan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris seperti yang dapat dilihat dalam keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan cadangan konstruktif yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai subjek itu, ramai telah muncul dengan komen-komen, idea dan cadangan, kata beliau kepada Bernama di sini, hari ini.

"Bagaimanapun, terdapat beberapa orang yang tampil dengan cadangan konkrit mengenai bagaimana menaikkan taraf kefasihan para pelajar dalam bahasa itu, dan inilah yang seminar itu mahu capai," katanya.

Mereka yang berminat menyumbangkan idea dan menyertai seminar itu boleh menghubungi NUTP cawangan Perak di pejabatnya di Taiping dengan menelefon 05-8072661 atau En Sundralingam melalui telefon bimbitnya di 012-5057403.

-- BERNAMA.

HK PR